

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

***Frequently asked questions (FAQ)***

**BAYARAN ELAUN PENGETUA/ GURU BESAR**

- 1. En. Sudirman bin Rahmat seorang Guru Besar di Sekolah Kebangsaan Parit Sulong telah bercuti rehat di Indonesia mulai 20 Jun 2018 hingga 19 Julai 2018 ( 29 hari). Adakah beliau layak dibayar Elaun Guru Besar?**

Jawapan:

Pegawai tidak layak menikmati elaun guru besar kerana cuti beliau melebihi daripada 28 hari had maksima cuti yang dibenarkan. Ini adalah berdasarkan kepada penetapan yang dibuat oleh JPA melalui surat JPA, rujukan: JPA(S)63/75/3 Klt. 9 (17) bertarikh 11 Jun 2015 para 3 (iv).

- 2. Hj Rahmat bin Zainal seorang Pengetua di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Seri Amar Diraja Muar Johor telah dinaikkan pangkat sebagai PPD Muar pada 11 September 2018.**

- i. Apakah beliau layak menikmati elaun pengetua.**  
**ii. Bagaimanakah pengiraan pembayaran Elaun Pengetua jika perkhidmatannya tidak genap satu bulan kalendar?**

Jawapan:

- i.** Pegawai layak menikmati elaun pengetua sehingga 11 September 2018. Pengiraan hendaklah dibuat secara *proportionate*.
- ii.** Cara Pengiraan: Perkhidmatan Pengetua bermula 11 September 2018, perkiraan elaun bagi bulan September 2018 seperti berikut:

11 hari (Bil. hari bertugas)

----- X RM300 (kadar sebulan) = RM 110.00

30 hari (Bil. hari dalam bulan berkenaan)